



TalentCorp
ATTRACT • NURTURE • RETAIN

BUDGET 2020: MEMACU AGENDA MODAL INSAN MALAYSIA KE ARAH PERTUMBUHAN DAN KETERANGKUMAN

Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) mengalu-alukan komitmen berterusan Kerajaan dalam meningkatkan taraf modal insan negara, sebagaimana yang digariskan dalam pembentangan Bajet 2020 baru-baru ini. Bertemakan 'Memacu Pertumbuhan dan Keberhasilan Saksama Ke Arah Kemakmuran Bersama', Bajet 2020 menekankan komitmen Kerajaan dalam menyediakan lebih banyak peluang agar semua rakyat Malaysia dapat menyertai pembangunan ekonomi negara secara lebih bermakna.

Sebagai menyokong komitmen Kerajaan untuk meningkatkan peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia, TalentCorp akan terus menerajui strategi modal insan negara menerusi kerjasama rapat dengan pihak berkepentingan utama, termasuk pemain sektor awam dan swasta, dalam menjayakan inisiatif yang mampu menarik, memupuk dan mengekalkan modal insan terbaik bagi memenuhi keperluan industri di negara ini.

Selanjutnya, TalentCorp sekali lagi ingin menegaskan tumpuan kami dalam membangunkan sumber modal insan berkemahiran tinggi dan sedia untuk masa depan di Malaysia bagi membolehkan kami memenuhi keperluan Revolusi Perindustrian Keempat (Industri 4.0), dan juga menghadapi

cabaran Pekerjaan Masa Depan atau Future of Work (FoW).

Untuk tujuan ini, kami gembira bahawa inisiatif Malaysians@Work yang diperkenalkan di bawah Bajet 2020 turut mengumumkan bahawa insentif potongan cukai berganda yang diberikan kepada syarikat-syarikat yang mengambil bahagian dalam Program Latihan Amali Berstruktur (SIP) diluluskan oleh TalentCorp akan diperluaskan bagi memasukkan pelajar semua bidang akademik.

Kami juga sangat teruja dengan pengumuman Bajet 2020 bahawa pengecualian cukai pendapatan sedia ada di bawah seliaan TalentCorp untuk wanita yang ingin kembali bekerja selepas berhenti kerja sementara akan dilanjutkan hingga 2023. Ianya menjadi bukti jelas terhadap komitmen Kerajaan dalam usaha menyemarakkan lagi penyertaan tenaga kerja wanita Malaysia.

Kami yakin bahawa langkah-langkah yang diperkenalkan dalam Bajet 2020 akan memacu momentum yang diperlukan untuk pertumbuhan masa depan dan seterusnya, meningkatkan status Malaysia menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi dan bertaraf dunia seperti yang dinyatakan dalam polisi ekonomi Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030).

PERANAN TALENTCORP DALAM MEMARTABATKAN EKOSISTEM PEMBANGUNAN MODAL INSAN MALAYSIA

MEMASTIKAN KESEIMBANGAN BEKALAN DAN PERMINTAAN MODAL INSAN

INISIATIF DISASARKAN UNTUK MENINGKATKAN ALIRAN MASUK MODAL INSAN



Program Latihan Amali Berstruktur (SIP)
Insentif Potongan Cukai Berganda ke atas elaun bulanan dan kos-kos lain yang berkaitan.



Program Scholarship Talent Attraction & Retention (STAR)
Membantu pemegang biasiswa JPA menjalani ikatan biasiswa mereka dalam sektor swasta.




Mobiliti Bakat (MyAPEC YouthConnect dan MyASEAN Internship)
Mewujudkan jaringan modal insan terbaik global yang berwawasan dalam membangunkan ekonomi tempatan dan berpandangan global ke arah mengembangkan perniagaan ke peringkat antarabangsa.

INISIATIF DISASARKAN UNTUK MEMUDAHKAN MOBILITI MODAL INSAN



Program Kepulangan Pakar (REP)
Memudahkan kepulangan profesional Malaysia dari luar negara untuk menyertai pelbagai peluang perniagaan dan profesional di tanah air.



Program KNOWMADS
Jaringan profesional global Malaysia di perantaraan yang terus menyumbang kepada pembangunan Malaysia tidak kira di mana mereka berada.



Residence Pass-Talent (RP-T)
Memudahkan tenaga kerja ekspatriat untuk bekerja di Malaysia serta melengkapinya pertumbuhan ekonomi semasa negara bagi membantu menangani jurang kemahiran dan mempelbagaikan sumber modal insan di Malaysia melalui pemberian pas yang boleh diperbaharui setiap 10 tahun.



Pusat MYXpats
Sebuah pusat sehati untuk memproses pas-pas imigresen untuk ekspatriat berkecukupan yang ingin bekerja di Malaysia.

INISIATIF DISASARKAN UNTUK MENGGALAKKAN KEPELBAGAIAN MODAL INSAN



Program Kembali Bekerjaya (CCP)
Program penggalakan keterlibatan kaum wanita untuk kembali ke pasaran pekerjaan menerusi kerjasama rapat dengan majikan dan pelaksanaan pengecualian cukai untuk kembali bekerja setelah berhenti kerja sementara.



Work-Life Practices (WLP)
Menggalakkan pelaksanaan amalan keseimbangan kerja dan kehidupan, yang merangkumi persekitaran kerja fleksibel, manfaat kerja dan kehidupan serta kemudahan mesra keluarga bagi meningkatkan produktiviti dan menghadapi cabaran pekerjaan masa depan.



Anugerah Life At Work Awards (LAWA)
Mengiktiraf dan meraikan majikan dengan strategi tempat kerja progresif yang mengungguli agenda keseimbangan kerja dan kehidupan sejajar dengan tuntutan Pekerjaan Masa Depan, Tempat Kerja dan Tenaga Kerja.